

SOALAN LAZIM GARIS PANDUAN TADBIR URUS DAN ALP SYARIKAT MKD 2024 (GARIS PANDUAN)

BIL.	SOALAN LAZIM	JAWAPAN
PERENGKAN BERKAITAN DALAM DOKUMEN GARIS PANDUAN		
Perenggan 3.1: Pengurusan operasi dan tadbir urus syarikat MKD		
1.	Adakah syarikat subsidiari MKD turut tertakluk kepada arahan semasa MKD mengenai pengurusan operasi dan tadbir urus?	Ya, semua syarikat MKD termasuk subsidiari yang dimiliki dengan pegangan agregat majoriti oleh syarikat MKD perlu mematuhi arahan semasa MKD mengenai pengurusan operasi dan tadbir urus. Ini berdasarkan takrifan ke atas 'syarikat MKD' di perenggan 1.6 Garis Panduan. Tidak hanya pematuhan kepada perenggan 3.1, keseluruhan Bahagian A Garis Panduan iaitu rujukan bagi tadbir urus korporat syarikat MKD perlu dipatuhi oleh syarikat MKD termasuk subsidiari.
Perenggan 3.13: Penubuhan dan pelupusan syarikat subsidiari MKD		
2.	Perenggan ini menyatakan bahawa cadangan penubuhan dan pelupusan syarikat subsidiari MKD perlu mendapat kelulusan MKD. Adakah subsidiari tersebut merujuk kepada subsidiari <i>first layer</i> di bawah syarikat majoriti MKD atau semua subsidiari milik syarikat MKD?	Syarikat subsidiari MKD yang dirujuk merupakan semua syarikat subsidiari yang ditubuhkan di bawah 'syarikat MKD' menurut takrifan di perenggan 1.6 (<i>horizontal</i> dan <i>vertical</i>). Ini bermakna, semua syarikat MKD (termasuk subsidiari dengan pegangan agregat majoriti oleh syarikat MKD) perlu mendapat kelulusan MKD bagi cadangan penubuhan dan pelupusan subsidiarinya. Syarikat MKD perlu mendapatkan perakuan Lembaga Pengarah syarikat induk masing-masing sebelum mengangkat permohonan kepada MKD untuk kelulusan.
Perenggan 3.14: CEO/ MD syarikat MKD menduduki Lembaga Pengarah syarikat subsidiari		
3.	Apakah yang perlu dilakukan sekiranya CEO/ MD sedang menduduki lebih daripada tiga Lembaga Pengarah syarikat subsidiari?	Had maksimum keanggotaan CEO/ MD syarikat MKD dalam Lembaga Pengarah syarikat subsidiari adalah tiga syarikat sahaja termasuk syarikat <i>dormant</i> . Sekiranya CEO/ MD menduduki lebih daripada tiga syarikat subsidiari, CEO/ MD dicadang meletak jawatan ALP syarikat subsidiari dan digantikan dengan pegawai C-Suite yang lain. Ketetapan dasar ini mengambil kira tugas sebagai CEO/MD yang lebih penting dan mendesak serta bagi memastikan CEO/ MD dapat memberi tumpuan sepenuhnya dalam menguruskan syarikat.

BIL.	SOALAN LAZIM	JAWAPAN
Perenggan 3.17: Dasar pengagihan dividen syarikat MKD		
4.	Sekiranya syarikat tidak membayar dividen kepada MKD, adakah syarikat masih perlu menggubal dasar pengagihan dividen dan melaporkan dasar dividen kepada MKD?	Ya, semua syarikat majoriti MKD perlu menyediakan dasar pengagihan dividen dan mengemukakan perkara tersebut kepada MKD walaupun syarikat pada masa ini tidak membayar dividen kepada MKD. Ini memandangkan syarikat ditubuhkan sebagai entiti korporat/ komersil Kerajaan di mana pelaburan Kerajaan melalui syarikat MKD sewajarnya mendapat pulangan termasuk dividen. Penyediaan dasar pengagihan dividen sama ada secara umum atau terperinci perlu mengambil kira mandat dan pelan perniagaan syarikat.
Perenggan 3.19: Urusan perolehan bagi syarikat MKD		
5.	Adakah syarikat MKD perlu mendapatkan kelulusan MOF bagi perolehan bernilai melebihi RM300 juta walaupun tidak menerima geran daripada Kerajaan?	Ya, syarikat MKD perlu mendapatkan kelulusan MOF bagi setiap perolehan yang melebihi RM300 juta sama ada menggunakan sumber peruntukan dana dalaman syarikat dan dana Kerajaan. Ketetapan ini adalah bagi membolehkan perolehan bernilai tinggi bagi syarikat Kerajaan diteliti dengan mendalam dengan mengambil kira perspektif yang menyeluruh meliputi keperluan perolehan, tatacara dan <i>value for money</i> .
Perenggan 5.6: Keanggotaan dalam Lembaga Pengarah syarikat subsidiari MKD		
6.	Selain CEO/ MD, adakah pegawai di syarikat MKD dibenarkan menduduki Lembaga Pengarah syarikat subsidiarinya?	Boleh, dengan kelulusan Lembaga Pengarah syarikat induk. Keutamaan menduduki Lembaga Pengarah syarikat subsidiari adalah pegawai di peringkat C-Suite supaya laporan dan perbincangan dapat dikemukakan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah syarikat induk.
7.	Para 5.6 menyatakan bahawa CEO/ MD tidak layak dibayar elaun bulanan Lembaga Pengarah jika menduduki Lembaga Pengarah syarikat subsidiari MKD. Bagaimana pula sekiranya pegawai selain CEO/ MD menduduki Lembaga Pengarah syarikat subsidiari MKD?	Ketetapan yang sama terpakai kepada pegawai selain CEO/ MD yang menduduki Lembaga Pengarah syarikat subsidiari MKD serta dalam keadaan pegawai syarikat induk menduduki Lembaga Pengarah syarikat yang dimiliki oleh subsidiari. Dasar ini mengambil kira peranan pegawai syarikat induk sebagai <i>ex-officio</i> di Lembaga Pengarah syarikat subsidiari. Walau bagaimanapun, pegawai boleh menerima elaun menghadiri mesyuarat (<i>sitting allowance</i>).

BIL.	SOALAN LAZIM	JAWAPAN
8.	Adakah CEO/ MD atau pegawai syarikat MKD boleh menduduki Lembaga Pengarah syarikat bersekutu atau syarikat pelaburan (<i>investee company</i>) yang berkaitan dengan syarikat MKD beliau sedang berkhidmat (iaitu sebagai <i>nominee director</i>)? Adakah <i>nominee director</i> tersebut boleh menerima elaun bulanan?	Ya, CEO/ MD dan pegawai di peringkat C-Suite boleh menduduki Lembaga Pengarah syarikat bersekutu atau syarikat pelaburan yang berkaitan dengan syarikat beliau bagi melindungi pelaburan. Namun, beliau hanya dibenarkan menduduki maksimum tiga syarikat bagi memastikan tumpuan hakiki tidak terjejas. <i>Nominee director</i> dibenarkan menerima elaun menghadiri mesyuarat, namun elaun tetap bulanan hendaklah dipulangkan kepada syarikat MKD yang membuat pelaburan tersebut.
Perenggan 5.7: Penyertaan CEO/ MD dalam Lembaga Pengarah syarikat lain yang tidak berkaitan dengan syarikat MKD yang beliau sedang berkhidmat		
9.	Sekiranya CEO/ MD syarikat MKD merupakan Lembaga Pengarah dalam lain-lain syarikat contohnya syarikat tersenarai awam, adakah CEO/ MD tersebut perlu meletak jawatan sebagai Lembaga Pengarah dalam syarikat tersebut?	CEO syarikat MKD tidak dibenarkan menduduki Lembaga Pengarah syarikat yang tidak berkaitan dengan syarikat MKD yang beliau sedang berkhidmat. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan mendesak, beliau perlu memohon persetujuan daripada MKD. Permohonan tersebut juga adalah atas nama individu itu sendiri dan bukan atas nama jawatan CEO syarikat tersebut serta hanya terpakai dalam sesuatu tempoh yang diluluskan.
Perenggan 5.12: Cadangan pelarasan dan penstrukturan gaji (termasuk elaun, faedah dan kemudahan berkaitan) kakitangan hendaklah diperaku dan dipersetujui oleh Lembaga Pengarah sebelum dikemukakan kepada MKD untuk kelulusan		
10.	Mengapakah pelarasan dan penstrukturan gaji, elaun, faedah dan kemudahan (selepas ini disebut sebagai 'saraan' atau <i>remuneration</i>) perlu mendapat kelulusan MKD?	Pelarasan dan penstrukturan saraan melibatkan perubahan polisi dan memberi kesan kepada sebahagian atau keseluruhan kakitangan syarikat MKD. Perubahan tersebut melibatkan implikasi kewangan tambahan kepada syarikat dan dalam sesetengah keadaan, memberi kesan ke atas keharmonian dalam kalangan kakitangan syarikat, contohnya pelarasan gaji kepada kakitangan syarikat akibat kenaikan gaji minimum yang tidak mengambil kira kakitangan sedia ada dengan gaji melebihi sedikit daripada paras gaji minimum.

BIL.	SOALAN LAZIM	JAWAPAN
11.	Apakah jenis pelarasan dan penstrukturan saraan yang perlu mendapat kelulusan MKD?	(i) Pelarasan dan penstrukturan saraan yang bersifat tetap (<i>fixed</i>) / bukan <i>one-off</i> atau memberi implikasi kewangan yang berkekalan (ii) Pelarasan atau penstrukturan saraan akibat inflasi (iii) Pelarasan atau penstrukturan saraan akibat perubahan dasar Kerajaan (iv) Pelarasan bagi membuat penyesuaian saraan berdasarkan kedudukan atau tanggungjawab pegawai (v) Pelarasan berkaitan perjanjian antara majikan dengan kesatuan sekerja (vi) Pengenalan elaun, faedah dan kemudahan baharu kepada sebahagian atau keseluruhan kakitangan <i>Nota: Semua pelarasan dan penstrukturan saraan dicadang bersifat komprehensif dan bukan secara terpilih</i>
12.	Apakah perkara lain yang berkaitan dengan saraan yang perlu mendapat kelulusan MKD?	Cadangan penamatan kakitangan sama ada secara sukarela (VSS) atau persetujuan bersama (MSS). Ini memandangkan perkara ini akan memberi kesan kepada reputasi Kerajaan.
13.	Apakah perkara berkaitan saraan yang tidak perlu mendapat kelulusan MKD?	(i) Kenaikan gaji tahunan (ii) Pemberian saraan sedia ada pada kadar yang sama (<i>status quo</i>) (iii) Manfaat perlindungan kesihatan (iv) Penukaran kaedah pengambilan kakitangan daripada kontrak kepada tetap (v) Perubahan gelaran jawatan yang tidak memberi implikasi kewangan (vi) Pemberian faedah dan kemudahan yang tidak memberi implikasi kewangan kepada syarikat seperti cuti separuh hari sempena perayaan utama
14.	Ketetapan supaya pelarasan dan penstrukturan saraan mendapat kelulusan MKD terpakai kepada siapa?	Semua syarikat majoriti MKD dan melibatkan semua kakitangan syarikat sama ada tetap atau kontrak.

BIL.	SOALAN LAZIM	JAWAPAN
15.	Apakah proses yang perlu dilaksanakan sebelum kelulusan MKD diperolehi ke atas cadangan pelarasan dan penstrukturan saraan kakitangan syarikat MKD?	Pengurusan mendapatkan perakuan Jawatankuasa Imbuhan dan seterusnya Lembaga Pengarah syarikat ke atas cadangan tersebut sebelum dikemukakan kepada MKD untuk kelulusan.
Perenggan 5.16: Perjalanan ke luar negara kakitangan syarikat		
16.	Adakah Lembaga Pengarah boleh memberi kuasa kepada pihak pengurusan dalam meluluskan permohonan ke luar negara kakitangan syarikat MKD?	Secara dasarnya Lembaga Pengarah tidak boleh menurunkan kuasa. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan mendesak, Lembaga Pengarah boleh menurunkan kuasa kepada CEO/ MD, namun Lembaga Pengarah tetap bertanggungjawab ke atas perjalanan ke luar negara kakitangan syarikat MKD. Tanggungjawab fidusiari Lembaga Pengarah masih terpakai. Perkara ini perlu dibaca bersekali dengan surat arahan MKD rujukan: MOF.GIC(S)600-1/3/44 Jld.9 bertarikh 26 September 2024 bertajuk Penjimatan dan Kawalan Dalam Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan.
Perenggan 6.5a: Pelantikan Lembaga Pengarah syarikat majoriti MKD		
17.	Apakah syarat pelantikan ahli politik sebagai Ahli Lembaga Pengarah syarikat MKD?	Perenggan 1.2 Garis Panduan menyatakan bahawa Garis Panduan ini melengkapi Akta Syarikat 2016, peraturan oleh badan kawal selia dan lain-lain akta atau peraturan yang berkuatkuasa. Dalam hal pelantikan ahli politik dalam Lembaga Pengarah syarikat Kerajaan, rujukan perlu dibuat kepada Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2023 mengenai Tatakelola Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) dan Syarikat Berhad Menurut Jaminan (CLBG) di mana perenggan 6 Arahan tersebut menyatakan bahawa pelantikan perlu dibuat berdasarkan kriteria yang objektif, merit serta mengambil kira tahap akademik, kelayakan profesional dan lain-lain. Cadangan pelantikan juga perlu mendapat kelulusan YAB Perdana Menteri secara rasmi. Di samping itu, MKD juga telah mengeluarkan surat arahan rujukan MOF.GIC(S)600-1/3/50 Jld.9 (34) bertarikh 9 Februari 2024 kepada syarikat MKD mengenai dasar pelantikan Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif dalam syarikat MKD termasuk di peringkat subsidiari bahawa semua pelantikan ahli politik dalam Lembaga Pengarah syarikat MKD termasuk di setiap lapisan subsidiari perlu mendapat persetujuan YAB Perdana Menteri.

BIL.	SOALAN LAZIM	JAWAPAN
Perenggan 6.9: Akujanji Lembaga Pengarah		
18.	Siapakah yang boleh menjadi saksi bagi tujuan perakuan ALP/CEO berkaitan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] seperti di Lampiran 2?	Wakil pemegang saham iaitu pegawai di Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan yang bertanggungjawab ke atas syarikat tersebut.
Perenggan 6.39: Pelantikan baharu/pelantikan semula dan penamatan serta penetapan terma dan syarat perkhidmatan bagi Pengerusi dan ALP syarikat majoriti MKD		
19.	Mengapakah Pengerusi tidak boleh menamatkan keanggotaan sebagai Pengerusi seperti mana ALP lain yang boleh menamatkan keanggotaan ALP secara sukarela pada bila-bila masa dengan memberikan notis penamatan secara bertulis kepada syarikat seperti mana termaktub dalam terma pelantikan?	Peranan, fungsi dan tanggungjawab Pengerusi adalah penting dalam memandu perjalanan syarikat MKD. Sekiranya Pengerusi ingin meletak jawatan, beliau disaran untuk berbincang terlebih dahulu dengan pihak MKD bagi memastikan urusan Lembaga Pengarah berjalan lancar dan tidak terjejas.
Perenggan 6.43: Penilaian prestasi Pengerusi dan ALP (<i>peer rating</i>)		
20.	Berapakah tahap minimum yang ditetapkan oleh MKD bagi <i>peer rating</i> ke atas Pengerusi dan ALP syarikat MKD?	Tahap pencapaian purata bagi penilaian <i>peer rating</i> Pengerusi dan setiap ALP syarikat MKD ditetapkan pada tahap minimum 80%.
Perenggan 7.1: Penubuhan Jawatankuasa Lembaga Pengarah		
21.	Adakah Jawatankuasa Lembaga Pengarah syarikat MKD boleh digabungkan seperti Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan?	Syarikat MKD boleh menubuhkan Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang bersesuaian dengan saiz dan keperluan syarikat sama ada secara berasingan (Jawatankuasa Penamaan dan Jawatankuasa Imbuhan) atau penggabungan (Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan).

BIL.	SOALAN LAZIM	JAWAPAN
Perenggan 9.10: Laporan kewangan syarikat MKD		
22.	Bagaimanakah sekiranya syarikat mengalami kesukaran untuk mengemukakan akaun pengurusan suku tahun dalam tempoh 30 hari selepas berakhir setiap suku tahun berkenaan? Adakah syarikat dibenarkan mengemukakan draf terlebih dahulu tanpa perakuan Lembaga Pengarah?	Semua syarikat MKD hendaklah berusaha bersungguh-sungguh untuk memenuhi ketetapan ini bagi membolehkan MKD menyediakan laporan pemantauan prestasi kewangan suku tahunan bagi semua syarikat MKD secara menyeluruh. Syarikat boleh mengemukakan draf terlebih dahulu sekiranya belum mendapat perakuan Lembaga Pengarah dalam tempoh 30 hari selepas suku tahun berakhir.
23.	Bagaimanakah sekiranya penyata kewangan beraudit tahun semasa tidak dapat dikemukakan selwat-lewatnya pada akhir bulan April tahun berikutnya?	Syarikat MKD hendaklah berusaha bersungguh-sungguh untuk memenuhi ketetapan ini bagi membantu Jabatan Akauntan Negara menyediakan laporan prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan secara menyeluruh. Syarikat boleh mengemukakan draf akaun terlebih dahulu sekiranya belum mendapat laporan beraudit.